



Amalan rewang dalam masyarakat Jawa di Malaysia

Zainorinyana Jamoran Yana¹, Vivien WC Yew¹

¹Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Vivien WC Yew (email: vivienyew@ukm.edu.my)

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui makna amalan rewang dalam masyarakat Jawa dan melihat unsur moden yang sedikit sebanyak telah mengubah cara pelaksanaan tradisi rewang ini. Selain itu, kajian ini juga melihat bagaimana pembahagian tugas dalam rewang serta mengetahui nilai rewang itu terhadap masyarakat Jawa. Kaedah kualitatif secara temubual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta digunakan untuk mendapat maklumat daripada lima orang Jawa yang terlibat dalam amalan rewang seperti tuan rumah, Ketua kampung, ketua masak dan penduduk kampung Lenga yang terlibat dalam aktiviti rewang. Analisis hasil kajian ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengenalpasti makna sebenar amalan rewang dalam masyarakat setempat seperti semangat melakukan kerja bergotong-royong, semangat kerjasama dan identiti masyarakat Jawa itu sendiri. Kemudian, penyerapan unsur moden dalam rewang mempengaruhi cara penyediaan makanan, masakan dan balai atau khemah khawin. Bahagian kedua analisis hasil kajian ini pula tertumpu kepada pembahagian tugas dalam warisan rewang. Tema yang dikaji termasuk aspek melancarkan aktiviti kenduri itu, membina solidariti dalam masyarakat dan menyatupadukan masyarakat yang saling bergantung antara satu sama lain. Di samping itu, antara nilai yang terdapat dalam amalan rewang ini adalah wujudnya nilai tidak mementingkan diri dalam masyarakat Jawa itu sendiri, hormat menghormati, saling muafakat dan wujud nilai perkongsian pengalaman dan emosi dalam masyarakat Jawa di Kampung Jawa, Lenga.

Kata kunci: amalan, Jawa, masyarakat, nilai, rewang, Malaysia

The practice of rewang among Javanese community in Malaysia

Abstract

This study aims to determine the meaning of the rewang practices in the Javanese community. Some modern elements have changed the way the implementation of this rewang tradition. In addition, this study also looks at how the distribution of tasks in the rewang and the value of the rewang to the Javanese community. Qualitative method employing in-depth interviews and non-participant observations seek information from five Javanese people involved in the practice of rewang. They are the head of family as host, the village chief, chief cook and Lenga villagers engaged in the rewang. Analysis of the study results are divided into two parts. The first part identifies the true meaning of rewang practices in the local community such as the spirit of gotong royong, the spirit of cooperation and an identity of society itself. Then, the absorption of modern elements in rewang affects the means of food preparation, cooking and wedding hall or tent. The second part focuses on the division of tasks in rewang activity. Themes studied include the launch events for feast, building solidarity in society and community interdependence that binds each other. In addition, the values shown in the practice of the rewang is that they are not selfish in their society, mutual respect, solidarity and the sharing of experiences and inherent emotion in the Javanese community in Kampung Jawa, Lenga.

Keywords: practice, Javanese, society, value, rewang, Malaysia

Pengenalan

Menurut Noriah (2001), konsep rewang merupakan sistem gotong-royong tradisional yang dilakukan oleh masyarakat Jawa di Tanah Jawa dan diteruskan oleh generasi berketurunan Jawa di Tanah Melayu. Rewang merupakan satu budaya dan adat tradisi yang unik dalam kalangan masyarakat Jawa. Penglibatan dalam aktiviti rewang ini menjadi seolah-olah wajib. Alasan konkrit perlu diberikan jika tidak dapat menghadirkan diri ke sesuatu majlis. Amalan rewang juga boleh disebut sebagai bergotong-royong apabila sebilangan anggota masyarakat bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu pekerjaan yang mempunyai satu matlamat bersama. Amalan ini memastikan semua kerja dapat dibuat serta dilaksanakan dengan baik, lancar, menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Seperti yang diketahui, masyarakat Indonesia dari pelbagai etnik telah datang ke Malaysia sejak awal kemunculan tamadun Melayu lagi. Sebagai contoh etnik Bugis, Minangkabau, dan Jawa telah memasuki alam Melayu melalui migrasi bersama-sama budayanya ke alam Melayu lama. Ini menyebabkan berlakunya asimilasi dan akulturasi budaya dalam masyarakat setempat. Oleh itu, adat dan amalan rewang yang terdapat dalam masyarakat Jawa telahpun tersebar ke alam Melayu sama ada menjadi satu amalan yang diikuti masyarakat Melayu mahupun masyarakat Jawa itu sendiri. Ia boleh dilihat melalui majlis perkahwinan, kenduri kesyukuran dan sebagainya (Shamsul Amri, 2012).

Orang Jawa tidak hanya berada di Indonesia seperti Jawa Tengah dan Jawa Timur sahaja, bahkan sudah tersebar di berbagai pelusuk negeri dari abad ke-19 ketika masih dalam cengkaman penjajahan Belanda. Masyarakat Jawa telahpun berpindah ataupun disebut migrasi ke Tanah Melayu atas sebab-sebab tertentu dan telah menetap lama di Tanah Melayu sehingga hari ini. Kini, di Malaysia terdapat segolongan besar masyarakat Jawa yang mempunyai penempatan tersendiri antaranya yang menetap di Selangor dan Johor amnya. Menurut Noriah (2001), Pulau Jawa merupakan tujuh peratus daripada keseluruhan kepulauan Indonesia dengan kepadatan penduduk sekitar 60 juta orang dan dipercayai proses migrasi orang Jawa ke Tanah Melayu dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu.

Menurut Khazin (1977), penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu adalah melalui dua keadaan iaitu merantau dan minggat. Ini menyebabkan unsur-unsur kebudayaan Jawa itu sendiri telah terserap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu melalui cara hidup, seni mahupun cara pemakaian serta cara percakapan bahasa dan adat rewang amnya. Keunikan amalan rewang ini dilihat berdasarkan cara pelaksanaan yang begitu tersusun dan berkesan. Melalui majlis perkahwinan masyarakat Jawa, budaya rewang ini dilihat dapat mewujudkan semangat bekerjasama seterusnya mewujudkan suasana ceria dalam kalangan penduduk kampung. Melalui kenduri lain juga, antaranya kenduri kesyukuran dan potong jambul juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara mereka dengan adanya pembahagian kerja, pemberian bantuan wang ataupun barangan keperluan kenduri, penglibatan ahli-ahli agama dan pertukaran tenaga. Menurut Geertz (1981), orang Jawa menyebut kerja atau urusan tentang kenduri mahupun majlis perkahwinan ini sebagai *duwe gawe* dan menganggapnya sebagai lambang kerukunan hidup bermasyarakat antara mereka.

Namun begitu, nilai-nilai budaya Jawa ini juga akan mengalami cabaran berdepan arus kehidupan moden. Menurut Durkheim (1917), mengenai perubahan sosial berdasarkan proses evolusi, masyarakat primitif (tradisional) berubah kepada masyarakat industri (moden). Oleh itu, budaya menjadi satu wadah dalam mengawal perubahan manusia yang dapat dilihat dalam konteks warisan amalan rewang ini yang memberi nilai-nilai serta kesan positif kepada masyarakat Jawa itu sendiri berdepan dengan arus perubahan semasa.

Menurut Syed Husin (1979), pembaharuan atau kemodenan yang berlaku di Malaysia menjadikan negara ini membangun namun memberi kesan tidak langsung kepada kepupusan nilai-nilai tradisi masyarakat tempatan khususnya orang Melayu termasuk orang Jawa yang majoriti tinggal di luar bandar. Hal ini dapat dilihat amalan rewang itu semakin terhakis dengan munculnya pembaharuan nilai-nilai moden dalam aspek menjalankan kenduri-kendara oleh masyarakat Jawa kini.

Kajian ini dijalankan bertujuan mengetahui makna amalan rewang itu dalam masyarakat Jawa dan melihat unsur moden yang sedikit sebanyak telah mengubah cara pelaksanaan tradisi rewang ini. Selain itu, melihat bagaimana pembahagian tugas dalam rewang serta mengetahui nilai rewang itu terhadap masyarakat khususnya masyarakat Jawa di Kampung Lenga.

Amalan rewang di Malaysia

Rewang merupakan kebudayaan yang popular dalam kalangan masyarakat Jawa khususnya di Kampung Jawa Lenga. Rewang merupakan tradisi masyarakat Jawa sehinggakan ke hari ini masih lagi dipraktikkan amalan ini dalam kalangan generasi baru walaupun terdapat sedikit sebanyak perubahan dalam pelaksanaan rewang pada hari ini. Hal ini berlaku disebabkan faktor perkembangan arus kemodenan dalam masyarakat yang merubah sesuatu kebudayaan itu di mana budaya dapat berdaya tahan serta sesuai dengan keadaan masa sekarang.

Malaysia mempunyai pelbagai warisan budaya berdasarkan etnik yang pelbagai di negara ini. Kepelbagaian serta keunikan ini telah mendapat tarikan dan penerimaan sama ada masyarakat Malaysia sendiri mahupun pelancong luar. Malangnya, nilai tradisional yang menjiwai kehidupan masyarakat di Malaysia khususnya Melayu sejak dahulu lagi semakin terhakis.

Amalan rewang dalam kebudayaan masyarakat Jawa ini mampu mewujudkan kesedaran sosial dalam lingkungan sosial mereka. Komunikasi yang berterusan serta interaksi sosial masyarakat Jawa dilihat dapat mewujudkan penyatuan dalam kehidupan mereka. Justeru, terbinalah satu semangat keakraban dan semangat bersatu padu dalam kalangan mereka. Budaya rewang ini didorongi idea yang manusia tidak hidup sendiri melainkan hidup bersama dengan orang lain. Manusia amat bergantung antara satu sama lain dalam meneruskan kehidupan mereka dan dengan adanya hubungan sosial, proses penyesuaian diri dengan anggota masyarakat yang lain berlaku (Yassin, 1999).

Rewang sebagai modal sosial adalah hasil dari adanya hubungan antara manusia dan sekaligus menjadikan manusia untuk lebih lagi meningkatkan kualiti hubungan itu. Modal sosial mungkin dapat terkandung di dalam hubungan baik yang berdasarkan kesukarelaan. Modal sosial juga dapat dibangun atau dapat bermula dari hubungan baik tersebut. Hubungan ini melibatkan individu yang berhimpun secara bersama-sama untuk melakukan tugas bersama dengan matlamat serta tujuan memenuhi keperluan sosial bersama (Sri Puspa Dewi, 2015).

Rewang sebagai perayaan perkahwinan serta majlis kenduri-kendara yang akan di langungkan. Modal sosial adalah suatu komitmen dari setiap individu untuk saling terbuka, saling percaya, memberikan masa dan tenaga bagi setiap orang yang dipilihnya untuk berperanan. Sesuai dengan tanggungjawab, ini akan menghasilkan rasa kebersamaan, kesetia kawan dan sekaligus rasa tanggungjawab dan kemajuan bersama (Sri Puspa Dewi, 2015).

Kebudayaan sesuatu masyarakat merupakan satu warisan yang perlu dijaga. Malaysia merupakan negara yang kaya dengan kepelbagaian kebudayaan. Hubungan antara etnik hendaklah dijaga bagi mengekalkan warisan etnik masing-masing bagi mengelakkan konflik yang boleh memecah-belahkan penyatuan sosial di Malaysia. Kebudayaan adalah sistem hukum yang dapat menjaga adap serta tingkahlaku sesuatu etnik itu. Begitu juga dilihat adat yang diwarisi oleh masyarakat Jawa di Malaysia yang lebih mendekati kebudayaan yang lebih menjurus kepada nilai perlakuan dan tatacara yang menekankan konsep *slametan* yang dianggap wajar. (Noriah, 2001).

Ramai yang beranggapan bahawa orang Jawa sama sahaja sama ada Jawa Indonesia dan Jawa di Malaysia khususnya. Namun hakikatnya, kelompok Jawa ini terbahagi kepada beberapa etnik kecil yang menjurus kepada tanah asal mereka di Indonesia yang mengekalkan kebudayaan asal Jawa yang dibawa dari seberang (Sabri, 2012).

Kini, amalan rewang ini semakin berubah daripada asalnya. Namun, adakah perubahan itu sama ada dari segi pelaksanaan mahupun makna sosialnya juga berubah sama sekali. Fenomena ini dapat membantu kita membuat andaian bahawa adakah arus kemodenan mengubah makna serta pelaksanaan rewang ini mahupun tugas dalam rewang masyarakat Jawa telahpun ditransformasikan sesuai dengan masa sekarang agar dapat berdaya saing untuk terus dipraktikkan.

Sebagai contoh, orang Jawa Ponorogo di Johor di Kampung Parit Raja memiliki keteguhan memelihara adat kebudayaan mereka seperti kuda kepang, wayang kulit dan barongan. Begitu juga amalan rewang oleh masyarakat Jawa umumnya perlu dipelihara dan dikekalkan bagi generasi akan datang. Boleh dilihat terhadap perhubungan yang berterusan oleh warga Ponorogo mampu mengekalkan kebudayaan kelompok mereka (Sabri, 2012).

Budaya pembahagian kerja

Menurut Durkhiem (1894) dalam bukunya "*The division of labour in society*" melihat sesuatu gejala yang melanda masyarakat iaitu pembahagian kerja. Dalam buku tersebut, beliau mengatakan masyarakat tidak diikat oleh persamaan orang-orang yang melakukan pekerjaan yang sama tetapi pembahagian kerjalah yang mengikat masyarakat dengan memaksa mereka bergantung antara satu sama lain. Pembahagian kerja ini mewujudkan solidariti yang merujuk pada suatu keadaan hubungan antara individu atau kelompok yang didasarkan pada perasaan moral dan kepercayaan yang dimiliki bersama diperkuat oleh pengalaman emosi bersama.

Menurut Durkheim (1894), solidariti organik merujuk kepada hubungan masyarakat yang berlandaskan ke arah individualistik di mana tingkat kesedaran bersama adalah amat rendah dan hanya mementingkan diri sendiri. Pada umumnya, banyak ditemui dalam masyarakat bandar masa kini. Manakala solidariti organik pula merujuk kepada hubungan masyarakat yang terjalin akrab dan mempunyai rasa kekeluargaan iaitu kesedaran kolektif yang tinggi dimana lebih cenderung kepada semangat kekitaan yang boleh ditemui dalam masyarakat desa khususnya masyarakat Jawa di Kampung Jawa Lenga.

Menurut Smith (1937), dalam "*The wealth of nation*" berpendapat bahawa pembahagian kerja merupakan kekuatan produktif tenaga kerja untuk meningkatkan produktiviti dan mencipta kehidupan sosial yang homogen. Namun Durkheim (1894) berbeza pendapat dengan mendapati pembahagian kerja dapat mewujudkan solidariti yang akhirnya dapat mewujudkan intergrasi dan kehidupan sosial yang heterogen.

Metodologi kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan pemerhatian tidak ikut serta untuk mendapatkan gambaran dan penerangan yang lebih jelas dalam menjawab permasalahan kajian. Pengkaji telah menghadiri dua buah rumah yang menjalankan kenduri kesyukuran serta majlis perkahwinan yang menjalankan aktiviti rewang oleh masyarakat Jawa tersebut dalam tahun 2017. Unit analisis kajian ini ialah seramai lima orang Jawa yang terlibat dalam amalan rewang seperti tuan rumah, ketua kampung, ketua masak dan penduduk kampung yang terlibat dalam aktiviti rewang. Semua informan dalam kajian ini tidak menggunakan nama sebenar mereka.

Kawasan dan komuniti kajian

Lokasi kajian yang dipilih ialah Kampung Jawa Lenga. Kampung ini terletak di daerah Muar bersebelahan Daerah Ledang di Johor Darul Takzim. Kawasan ini terletak jauh dari kawasan bandar dan mempunyai penduduk yang agak sedikit. Kawasan ini dipilih kerana majoriti masyarakat di sini adalah dari kalangan orang Jawa dan masih mengamalkan adat istiadat tradisi Jawa.

Lokasi Lenga terletak bersebelahan dengan Bukit Kepong yang merupakan sejarah hitam negara. Tragedi berdarah berlaku pada 23 Februari 1950 apabila ketika keadaan darurat di Persekutuan Tanah Melayu, Balai Polis Bukit Kepong telah diserang komunis (Chin & Hack, 2004). Pekan Lenga turut merasa tempiasnya kerana terdapat penduduk Lenga yang terlibat dalam pertempuran bersama komunis ketika itu.

Dalam aspek sosioekonomi, penduduk Lenga lebih cenderung kepada pemilikan ekonomi berdasarkan pertanian serta perladangan yang mempunyai keluasan tanah 28,748.865 hektar. Majoriti penduduk Lenga bekerja sebagai penoreh getah serta terlibat dalam kerja perladangan kelapa sawit. Aktiviti menoreh getah serta memetik sawit adalah dominan di kawasan Lenga. Penduduk Lenga juga menjalankan aktiviti menanam sayur-sayuran, buah-buahan dan perternakan. Selain itu, aktiviti ekonomi penduduk Kampung Lenga juga dipelopori daripada hasil tangkapan ikan di Sungai Muar yang menghubungkan Sungai Pagoh, Lenga, Bukit Kepong dan Segamat.

Selain itu, ekonomi penduduk Lenga juga dipelopori oleh penyediaan homestay untuk kemudahan pelancong luar mahupun dalam negara. Pelancong lebih tertumpu kepada Homestay di Lenga ini kerana terdapatnya faktor yang menarik dan mempunyai tempat-tempat pelancongan tumpuan di sekitar Daerah Muar contohnya, Muzium Bukit Kepong, Gunung Ledang, Air terjun

Bekok, Makam Sultan Alauddin Riawayat Shah, Bandar Diraja Muar dan sebagainya. Kewujudan homestay di sini dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar serta menggalakkan penglibatan mereka dalam perancangan dan pembangunan pelancongan.

Kajian literatur

Budaya merupakan satu topik yang luas dan menjadi perhatian ramai pengkaji. Terdapat para sarjana sama ada di luar mahupun dalam negara yang berminat untuk mengkaji budaya orang Jawa antaranya termasuk Jay (1969), Geertz (1983) dan Mulder (1984). Kajian mereka lebih tertumpu kepada nilai-nilai Jawa dalam menonjolkan jati diri bangsa mereka.

Menurut Geertz (1973) dalam bukunya "*The religion of Java*" membahagikan masyarakat Jawa kepada tiga kelas. Masyarakat Jawa asli dikelaskan kepada tiga kelas utama iaitu ambangan, santri dan priyayi. Namun, di Malaysia kelas sosial ini tidak dititikberatkan kerana masyarakat Jawa telah mengasimilasikan kehidupan dengan masyarakat lain.

Menurut kajian Sri Puspa Dewi (2015) dalam "Tradisi rewang adat perkahwinan komuniti Jawa di Desa Petapahan Jaya, amalan rewang merupakan tradisi dalam kehidupan masyarakat Jawa. Pengertian rewang menunjukkan pengerahan tenaga secara bersama-sama dengan tujuan meringankan ahli masyarakat, khususnya pada aktiviti membantu seseorang yang sedang memiliki hajat atau acara yang ingin dilakukan. Fokus kajian ini terdapat adat perkahwinan Jawa.

Kajian terhadap orang Jawa di Malaysia telah dilakukan oleh Noriah (2001) dan Khazin (1977). Kajian mereka menfokuskan kepada beberapa aspek seperti amalan budaya yang masih dipertahankan serta sejarah kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu. Napsiah (2009) mengkaji keunikan rewang dalam masyarakat Jawa di Tanjong Karang, Selangor. Beliau menyatakan amalan rewang ini merupakan satu tradisi yang unik secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat setempat.

Mohd Habib (1978) telah mengkaji tentang fungsi institusi kenduri dalam masyarakat Jawa di luar bandar. Beliau telah meninjau jenis kenduri yang diadakan dan bagaimana aspek ekonomi, sosial dan agama diambil kira dalam institusi tersebut khususnya dalam kalangan orang Jawa di Kampung Sungai Limau, Selangor.

Norliyana (2009) juga telah membincangkan perubahan amalan kenduri yang berlaku dalam masyarakat Jawa di Malaysia di kawasan Tanah Lalang, Bagan Datoh, Perak. Beliau mendapati bahawa amalan kenduri Jawa telah berubah daripada yang asal. Perubahan ketara dari segi perlaksanaannya dan keadaan ini menyebabkan berlaku perubahan minda, sikap dan gaya hidup orang Jawa.

Nurul Huda (2000) juga membincangkan tentang unsur sosial masyarakat Jawa, khususnya di Kampung Parit Jamal. Perbandingan mengenai sosiobudaya masyarakat Jawa Malaysia dengan masyarakat Jawa di Indonesia telah dilakukan. Hasil kajian mendapati adat melenggang perut, perkahwinan, kematian, kesenian dan bahasa yang diamalkan oleh kedua-dua masyarakat Jawa di Kampung Parit Jamal dan di Indonesia masih sama.

Hasil kajian dan perbincangan

Hasil kajian membincangkan tentang amalan rewang orang Jawa di Kampung Jawa Lenga, Muar. Setelah munculnya kemodenan, unsur materialisme sudah masuk dalam setiap masyarakat kampung. Memandangkan faktor perubahan sosial terhadap amalan rewang di Kampung Lenga, analisis hasil kajian ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama analisis kajian mengenalpasti makna sebenar amalan rewang dalam masyarakat setempat iaitu semangat melakukan kerja bergotong-royong, semangat kerjasama dan merupakan identiti masyarakat Jawa itu sendiri. Di samping itu, hasil kajian akan mengupas mengenai penyerapan unsur moden dalam rewang yang berfokuskan kepada penyediaan makanan, masakan dan balai atau khemah kahwin.

Bahagian kedua analisis hasil kajian ini pula tertumpu kepada pembahagian tugas (*division of labour*) dalam warisan rewang yang dilakukan oleh masyarakat Jawa di Kampung Lenga. Tema yang dikaji termasuk aspek melancarkan aktiviti kenduri itu, membina solidariti dalam masyarakat dan

mengikat masyarakat saling bergantung antara satu sama lain. Selain daripada itu, hasil kajian juga membincangkan tentang nilai yang wujud apabila masyarakat Jawa mempraktikkan amalan rewang ini dalam kehidupan seharian mereka. Antara nilai yang terdapat dalam amalan rewang ini adalah wujudnya nilai tidak mementingkan diri dalam masyarakat Jawa itu sendiri, hormat menghormati, saling muafakat dan wujud nilai perkongsian pengalaman dan emosi dalam masyarakat Jawa di Kampung Jawa Lenga.

Makna rewang dan penyerapan unsur moden

Rewang ini memberi makna sosial yang baik terhadap masyarakat Jawa. Rewang merupakan unsur semangat bergotong-royong, memupuk budaya kerjasama dan amalan rewang ini sebagai identiti masyarakat Jawa itu sendiri.

Menurut informan Puan Rosni Amin pula, beliau mengatakan selalunya memang masyarakat Jawa melakukan amalan rewang tidak kira ada kenduri khawin, kenduri tahlil arwah, cukur jambul bayi dan majlis kesyukuran. Ahli keluarga yang terdekat terlebih dahulu ada membantu tuan rumah jika ada mengadakan kenduri seperti adik beradik, sepupu, pakcik, makcik dan saudara mara yang lain. Jika tuan rumah mempelawa jiran untuk datang membantu, maka mereka wajib hadir untuk melakukan aktiviti rewang itu jika tidak dapat hadir, mereka akan suruh menggantikan tempat mereka dengan orang lain ataupun memberi sumbangan bahan dapur, seperti beras, susu, telur dan lain-lain ataupun kiriman wang. Selain itu, mereka yang menghadiri rewang juga akan membawa makanan seperti bahu, kuih tumpi dan kek bagi memudahkan serta meringankan beban tuan rumah.

“Rewang iki kerjo gotong royong, rewang tanggung jawab yang harus dipikul bersama. Orah kiro la tuo kek mudo, lanang dengan wedok kabeh terlibat dalam upacara pakatan ni, sebab iki tradisi wong jowo, memang kito generasi baru iki ikut tradisi lamo iki walaupun aneng yang berubah sikit dalam rewang iki”.

Berdasarkan pernyataan di atas, beliau mengatakan amalan rewang ini adalah tanggungjawab yang harus dipikul bersama. Kerja gotong-royong ini tidak mengira umur, jantina mahupun status sosial seseorang itu dalam masyarakat akan turun bersama menjayakan amalan rewang ini. Beliau juga mengatakan amalan rewang ini merupakan tradisi dari turun temurun yang harus masyarakat sekarang kekalkan sesuai dengan arus perubahan masa. Walaupun wujud perubahan dalam penyerapan unsur moden namun, ia tidak merubah makna serta cara pelaksanaan amalan rewang itu secara keseluruhannya.

Masyarakat kampung umumnya memang hidup secara berkerjasama, mereka tidak akan mementingkan diri kerana persekitaran sosial mereka yang membantu mereka bertindak sedemikian. Di kampung, majoriti rumah tidak berpagar dan jarak rumah adalah berdekatan. Di situ kita dapat melihat tidak berlaku jurang sosial dalam masyarakat kampung khususnya masyarakat Jawa Lenga ini. Kerjasama dapat dipupuk melalui rewang kerana berlakunya interaksi sosial yang mewujudkan sifat kekitaan dan semangat ambil tahu dalam hidup bermasyarakat.

Menurut Penghulu Lenga Tuan Mohd Azhari Bidin, perkara yang penting dalam amalan rewang ini adalah kerjasama. Kerjasama itu lahir dengan sendirinya apabila masyarakat Jawa melakukan rewang ini secara automatik membantu mereka yang memerlukan. Sebagai contoh, ketika angkat balai ataupun mengangkat khemah kahwin, para lelaki akan membawa kereta sorong dari tempat stor khemah dan peralatan rewang sehingga ke rumah kenduri.

“Biasane wong jowo lek eneng opo-opo kenduri kek opo kek mesti kabeh wong teko rewang nang umahe seng jekek kenduri kuey jiko di undang jalok kon tolong. Nang rewang iki aneng pemunggang, nyumbang, bontrot, becek dan rokok rewang. Kabeh wong kekalkan iki”.

Berdasarkan pernyataan Majid Rawino, kebiasaannya tuan rumah akan menjemput jiran-jiran terdekat untuk datang rewang. Beliau juga mengatakan amalan rewang ini mempunyai simbol-simbol unik yang membuatkan masyarakat hidup secara kekitaan. Dalam rewang terdapat “nyumbang” yang bererti sumbangan berupa makanan, bahan dapur serta wang ringgit. Manakala “bontrot” pula

merupakan bungkusan makanan kepada para rewang yang juga dikenali sebagai berkat. Becek pula bermaksud salam yang terselit dengan wang ketika bersalaman dengan tuan rumah yang juga dikenali sebagai salam keruk. Rokok rewang diberikan kepada lelaki yang bertungkus lumus dan sebagai hadiah bersama ketika menjalankan kerja-kerja rewang. Salam keruk, berkat dan rokok rewang ini merupakan tradisi masyarakat Jawa yang terus dikekalkan hingga hari ini. Hal ini memperlihatkan utuhnya kerjasama yang terbina antara mereka.

Kajian mendapati bahawa amalan rewang ini merupakan lambang identiti masyarakat Jawa yang perlu diteruskan. Amalan rewang ini memang sinonim dengan simbol-simbol tradisi seperti, salam keruk, berkat ambeng, nyumbang, rokok rewang dan sebagainya. Selain itu rewang ini juga amat terkenal dengan masakan budaya Jawa itu sendiri yang tidak dapat dipisahkan seperti nasi ambeng, keluban, serunding, sambal goreng, dan tumis tempe. Warisan rewang ini membawa kepada pengenalan simbol-simbol serta keunikan hidangan Jawa yang menjadi identiti masyarakat Jawa itu sendiri. Oleh itu, rewang bukan sahaja memberi lambang penyatuan masyarakat Jawa itu sendiri malah menunjukkan keunikan Jawa itu dalam pelbagai aspek yang memberi makna sosial kepada mereka.

“Becek podo waey salam keruk, kabeh wong iklas bagi, iki tradisi wong jowo bilo teko umah wong gawe kejo kawin. Makcik lek oroh bagi becek nang tuan umah, makcik raso orah tenteram sebab nanti kapan makcik pulak gawe kenduri takut wong orah kaey balas”.

Berdasarkan pernyataan Umi Mad Nawi, beliau menegaskan pemberian becek ini merupakan satu pemberian yang ikhlas. Bila datang ke majlis khawin, ramai masyarakat Jawa memberi sumbangan ikhlas tanpa berkira berapa nilai yang mahu diberikan kepada tuan rumah asalkan mereka ikhlas dan tidak mengungkit. Tegasnya lagi, jika beliau tidak memberikan wang sumbangan itu seolah beliau tidak menghormati tradisi dan beliau tidak akan berasa tenang kerana jika beliau mengadakan majlis pula nanti, beliau kkuatir mereka membalasnya dengan tidak memberikan sumbangan kepada majlis beliau kelak. Oleh itu beliau menegaskan tradisi ini jangan dipandang ringan, tradisi perlu diikuti bagi mengekalkan penyatuan serta wujudkan solidariti sosial penduduk kampung Jawa Lenga.

“Becek podo waey salam keruk, kabeh wong iklas bagi, iki tradisi wong jowo bilo teko umah wong gawe kejo kawin. Makcik lek oroh bagi becek nang tuan umah, makcik raso orah tenteram sebab nanti kapan makcik pulak gawe kenduri takut wong orah kaey balas”.

Berdasarkan pernyataan Umi Mad Nawi, beliau menegaskan pemberian becek ini merupakan satu pemberian yang ikhlas. Bila datang ke majlis khawin, ramai masyarakat Jawa memberi sumbangan ikhlas tanpa berkira berapa nilai mahu diberikan kepada tuan rumah asalkan mereka ikhlas dan tidak mengungkit. Tegasnya lagi, jika beliau tidak memberikan wang sumbangan itu seolah beliau tidak menghormati tradisi dan beliau tidak akan berasa tenang kerana jika beliau mengadakan majlis pula nanti, beliau kkuatir mereka membalasnya dengan tidak memberikan sumbangan kepada majlis beliau kelak. Oleh itu, beliau menegaskan tradisi ini jangan dipandang ringan. Tradisi ini perlu diikuti bagi mengekalkan penyatuan serta wujudkan solidariti sosial penduduk kampung Jawa Lenga.

Kajian mendapati bahawa amalan rewang yang dilakukan dalam kalangan masyarakat Jawa telahpun berlaku penyerapan unsur moden sehinggakan ia mengubah cara pelaksanaan serta generasi baru tidak mengetahui bagaimanakah tatacara asal yang terdapat dalam rewang ini apabila berlakunya penyerapan unsur moden dalam tradisi ini.

“Pembaharuan citarasa sememangnya ada dalam masyarakat Jawa ni. Nilai atau budaya moden luar tu tak lah ubah makna sebenar rewang tu, ia cuma ubah cara lakukan rewang tu biar jadi lebih mudah sesuai dengan masa sekarang”.

Berdasarkan pernyataan Encik Majid Rawino, pengaruh urbanisasi telah mendorong berlakunya perubahan citarasa yang berlaku dalam tradisi orang Jawa apabila mereka terdedah dengan unsur-unsur budaya luar yang dianggap moden. Keadaan ini menyebabkan terdapat pembaharuan dalam

perlaksanaan rawang yang kini lebih mementingkan penyerapan unsur moden dalam aspek penyelenggaraan kenduri kendara masyarakat Jawa menjadikan lebih mudah dan senang. Namun begitu, tegas beliau perubahan ini tidaklah mengubah makna sebenar rawang itu dalam masyarakat di mana ia hanya mengubah sedikit sebanyak cara pelaksanaan terhadap warisan rawang itu.

“...unsur moden yang ketara bila wong ramai menggunakan perkhidmatan catering. Orang yang datang rawang tetap ada untuk membuat bunga manggar, bunga telur dan membungkus berkat, namun melayan tetamu, masakan dan balai dikendalikan oleh pihak catering”

“...namun hanya segelintir sahaja yang menggunakan khidmat catering, mungkin mereka mampu, namun ia tidak menjejaskan amalan rawang itu dan ia tidak akan terhakis dan masih ramai yang mengamalkan rawang ini sehingga hari ini”.

Berdasarkan pernyataan Imam Leman, walaupun ada yang menggunakan khidmat catering, namun khidmat tersebut tidak digunakan secara keseluruhan. Ada juga tuan rumah yang memanggil masyarakat untuk melakukan rawang bagi membuat bunga manggar dan telur, membungkus “berkat” nasi minyak untuk diberi kepada tetamu. Pihak catering yang mengambil alih tugas memasak, melayan tetamu, menyediakan khemah kahwin serta menyajikan makanan kepada tetamu. Beliau juga menegaskan hanya segelintir sahaja yang mampu menggunakan khidmat catering. Namun, ia tidak menghakis amalan rawang itu serta makna tradisi ini dalam masyarakat.

Dalam semua jenis kenduri-kendara dalam masyarakat Jawa, penyediaan serta pemberian makanan terhadap tetamu majlis asalnya dilayan secara asli dan melalui “pemunggah” iaitu pelayan tamu ataupun peyedia sajian. Hal ini untuk menunjukkan rasa hormat serta menunjukkan tanda alu-aluan dan tanda terima kasih terhadap tetamu yang hadir. Namun perubahan telah berlaku apabila munculnya nilai moden yang lebih memberi kesenangan serta memudahkan urusan sesuatu majlis itu oleh kerana dunia yang semakin kompleks ini. Walaupun elemen moden diserapkan ke dalam warisan rawang ini, masyarakat Jawa masih meneruskan tradisi ini pada era moden kini bersesuaian dengan keadaan semasa. Ini menunjukkan bahawa semangat tradisi yang ada dalam diri masyarakat Jawa ini amat menebal bagi memastikan amalan-amalan budaya mereka dapat diteruskan dan dikekalkan.

Walau bagaimanapun, adat rawang ini semakin pudar di kalangan masyarakat Jawa kerana budaya bufet kian popular dan sering diamalkan oleh masyarakat. Kini, kebanyakan kenduri banyak mengambil jalan mudah dengan menghidangkan makanan nasi minyak, cuma dihidangkan menggunakan bufet. Jarang untuk rumah kenduri menyediakan makanan secara pemunggah. Kebanyakan responden menyatakan hal ini tidaklah menjejaskan makna rawang itu sendiri, malah ia semakin membuatkan kerja-kerja rawang ini bertambah mudah dan senang sesuai dengan keadaan semasa sekarang.

“Kabeh wong hidangi pakanan guno buffet, pemunggah iki aneng waey, cuma pemunggah wes orah hidangi pakanan guno dulang anta ke meja-meja tamu. Pemunggah beralih tugas menambah pakanan buffet kui bilo wes entek tamu arek mangan”.

Menurut ketua rawang Encik Majid Rawino, walaupun ramai orang yang telah menggunakan sajian bufet ini, ia tidaklah mengubah secara keseluruhan cara pelaksanaan rawang ini dalam masyarakat setempat. Hal ini tegasnya, beliau mengatakan sajian memang menggunakan bufet, tetapi pemunggah masih bertugas seperti biasa cuma tugas mereka telah bertukar daripada membawa makanan kepada tetamu menghidangkan menggunakan dulang di atas meja tamu bila tetamu sampai ke majlis kepada menjaga sajian bufet itu seperti menambah kuantiti sajian jika habis, memastikan makanan bufet cukup dan mengawal serta menjaga sajian bufet itu supaya selesa untuk para tetamu menikmati makanan yang telah disediakan.

Khemah kahwin merupakan khemah atau kanopi untuk para tetamu duduk menikmati makanan yang disediakan dalam majlis tersebut dan sebagai khemah untuk santapan pengantin baru. Panggilan mengangkat khemah dalam masyarakat Jawa di Kampung Jawa Lenga ini dikenali sebagai “angkat balai”. Pada asalnya budaya mengangkat balai ini dilakukan secara beramai-ramai iaitu mereka akan memunggah barangan keperluan majlis seperti, pinggang, cawan, periuk, kerusi, meja dan sebagainya

dengan menggunakan sebuah kereta sorong. Mereka akan menolak bersama-sama kereta sorong itu dari tempat memunggah barang terus ke rumah majlis. Namun kini, berlaku perubahan akibat daripada pembangunan yang dialami oleh masyarakat kampung, tradisi mengangkat balai ini telah diubah menggunakan lori yang lebih memudahkan urusan kerja, tenaga dan masa dalam masyarakat Jawa kini.

Berdasarkan kesemua informan, mereka menyatakan bahawa budaya “angkat balai” ini memang berubah daripada yang asal. Dahulu masyarakat Jawa beramai-ramai mengerahkan tenaga dalam tradisi mengangkat balai atau khemah ini. Kebiasaannya tradisi mengangkat balai ini diwakili dari 15 hingga ke 20 orang dalam membantu mengangkat balai. Namun kini ia berkurang oleh kerana adanya kemudahan seperti, motosikal, van dan lori untuk memunggah barang-barangan keperluan majlis dan khemah kahwin tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa cara pelaksanaan rewang telah pun bertukar kepada elemen yang lebih mudah dan mempercepatkan masa untuk memasang khemah kahwin. Tegas informan lagi, perubahan ini tidaklah merosakkan nilai rewang itu malah ia cuma memperbaiki cara pelaksanaan rewang itu supaya bersesuaian dengan arus perubahan masa sekarang.

Pembahagian tugas dan nilai murni dalam rewang

Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, didapati majlis kenduri yang dilakukan secara rewang ini lebih teratur dan lebih berkesan. Setiap anggota masyarakat tahu apa tugas yang perlu dilakukan serta mereka akan menolong antara satu sama lain bagi tujuan memudahkan serta melancarkan aktiviti majlis. Menurut kesemua informan, mereka menyatakan bahagian tugas antara lelaki dan perempuan telahpun diasingkan serta diagihkan. Kaum lelaki biasanya memasak, melapah daging dan mengemas, membancuh air, membasuh pinggan serta mengangkat khemah atau balai. Menurut ketua rewang Majid Rawino, tugas wanita ditempatkan dalam satu khemah dan lebih kepada penyediaan bahan masakan seperti memotong bawang, buah-buahan serta sayur-sayuran, membungkus bontrot dan menyediakan bunga telur. Kaum wanita juga akan berada di hadapan bagi melayan tetamu serta mengemas meja makan tetamu. Hal ini menunjukkan pembahagian kerja dalam rewang ini telah mewujudkan kesepakatan bersama dalam menjayakan majlis supaya berjalan dengan lancar.

“Kerjo wong lanang dan wedok biasone diagihkan. Jiko kenduri kahwin wong wedok nang dapur atau satu balai motonge bawang dan sayur, bungkusin bontrot dan kemas mejo mangan tamu. Lanang kabeh masak lauk kahwin, basuh pingan mangkuk, nyediakan wedang nang majlis dan motongi daging-daging”.

Berdasarkan Imam Leman, warisan rewang ini memberi kesan baik terhadap penduduk kampung khususnya masyarakat Jawa Lenga. Beliau menegaskan amalan rewang ini telah berjaya merapatkan jurang sosial yang memberi nilai penyatuan sosial antara hubungan orang kampung khususnya jiran. Selain itu, rewang dapat meningkatkan perasaan kasih sayang antara keluarga sama ada saudara jauh mahupun dekat. Hal ini dapat dilihat bahawa rewang adalah satu pegangan sosial yang melahirkan nilai penyatuan dalam masyarakat mereka.

“Rewang iki baik kesane karo wong. Wong kampung kui neh rapet, tanggo kui hormat, saudara neh tambah sayang gitu”.

Menurut kesemua informan, mereka mengakui dalam rewang itu sudah tergambar unsur penyatuan masyarakat dalam lingkungan sosial mereka. Amalan rewang telah memberi makna sosial yang baik kepada penduduk kampung dalam mengukuhkan lagi hubungan sesama mereka. Rewang ini juga membuat masyarakat berpakat serta bermuafakat dan mereka menggelarkan tradisi rewang ini sebagai upacara ‘pakatan’ iaitu setiap masyarakat berkumpul. Hal demikian membuatkan mereka mengikat dan bergantung antara satu sama lain dalam sokongan sosial. Perasaan tidak peduli, iri hati, dengki, tidak menegur sapa dan cemburu seolah-olah tidak akan wujud antara mereka. Malah, hubungan silaturrahim yang terbina selama ini menjadi semakin teguh serta sokongan sosial daripada setiap masyarakat menjadi lebih kuat.

Tradisi rewang perlu untuk dipertahankan dan dilestarikan kerana memiliki nilai universal yang tinggi serta baik dalam hubungan kekeluargaan mahupun prinsip kemasyarakatan. Sebenarnya, rewang merupakan suatu kegiatan mengumpulkan sekumpulan orang atau warga masyarakat yang diundang oleh tuan rumah (pemilik hajat) bagi melaksanakan sebuah hajat iaitu kenduri. Tradisi rewang merupakan suatu kegiatan yang dianggap penting kerana dapat menyelesaikan pekerjaan yang dianggap berat dan rumit. Rewang wujud berdasarkan keharmonian antara masyarakat satu dengan yang lain. Tradisi rewang merupakan kesedaran sosial dalam bentuk bantuan terhadap orang lain agar bebannya menjadi lebih ringan dan mudah. Hal ini mewujudkan nilai sosial dalam masyarakat Jawa itu sendiri. Melalui nilai tersebut, menjadikan mereka “homogen” serta hidup dalam semangat kekitaan.

“Dalam rewang ni, kita boleh lihat semangat keikhlasan itu. Semua menjadi satu dalam melakukan kerja bersama, kalau tugas yang ini susah kita datang membantu, jika kerja kita pula yang susah mereka yang lain pula datang membantu”.

Menurut informan Imam Leman, setiap anggota masyarakat itu menjadi satu apabila adanya keikhlasan dalam melakukan sesuatu tugas bersama dalam keadaan susah mahupun senang. Keadaan ini harus diharungi bersama dalam membantu sesama anggota masyarakat sekiranya ada yang memerlukan bantuan. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa semangat tidak mementingkan diri ini dalam kalangan penduduk Kampung Lenga telah mewujudkan suasana yang ceria kepada setiap penduduk serta dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara mereka khususnya masyarakat Jawa di Kampung Lenga.

Saling hormat menghormati adalah unsur penting untuk memupuk kesepaduan sosial bagi mengelak berlakunya konflik yang mendorong setiap masyarakat mencapai tahap kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, ia menggalakkan wujudnya sokongan sosial yang berterusan dalam kehidupan mereka. Menurut kesemua informan, interaksi sosial yang berterusan dalam amalan rewang ini, menjadikan mereka lebih bersedia memberi bantuan kepada jiran tertangga, sanak saudara dan penduduk kampung khususnya apabila menghadapi kesusahan mahupun masalah. Ini akan melahirkan perasaan hormat terhadap jiran, saudara dan penduduk kampung. Apabila bantuan dihulurkan, ia tidak minta dibalas dengan wang ringgit. Malah sebagai tanda hormat, mereka akan membalas perbuatan mahupun bantuan tersebut apabila anggota masyarakat lain pula yang memerlukan bantuan khususnya dalam penyediaan kenduri serta majlis perkahwinan masyarakat Jawa di Kampung Lenga.

Kesemua informan yang ditemui menjelaskan bahawa amalan rewang ini menyebabkan berlakunya perkongsian emosi yang dapat membina jaringan sosial yang erat antara sesama mereka. Selain itu, perkongsian emosi ini juga dapat meningkatkan sifat kepercayaan sesama sendiri antara masyarakat Jawa khususnya penduduk di Kampung Lenga ini. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati perkongsian emosi ini terjelma ketika amalan rewang itu berlangsung, setiap masyarakat bertemu dan bersua-muka antara satu sama lain yang akan mewujudkan interaksi sosial serta hubungan sosial yang erat dalam sesebuah kenduri itu.

Berdasarkan pernyataan Puan Rosni, amalan rewang bukan sahaja membuat keluarga tuan rumah gembira, malah ahli rewang yang lain turut berasa gembira dan teruja melihat persandingan pengantin. Malahan, walaupun melakukan tugas dalam panas terik matahari ataupun berhujan sekalipun mereka akan bersan gembira bersama-sama walaupun penat bagaimana sekalipun.

“Rasa saling gembira lah tengok jiran atau sanak saudara kite bersanding. Sambil-sambil penat dan panas terik ke ujan buat kerja kita semua dapat rasa teruja jugak tengok pengantin baru”.

Menurut informan Puan Umi Mad Nawi, beliau menyatakan amalan rewang ini membuatkan setiap masyarakat dapat berkongsi rasa seperti rasa gembira, penat, sedih dan sebagainya. Mereka berkongsi pengalaman serta cerita daripada setiap anggota masyarakat ketika bersama-sama menjalankan aktiviti rewang. Hal ini dapat memupuk kesepaduan sosial yang dilihat melalui perkongsian emosi antara jiran tetangga mahupun saudara mara terdekat berkongsi kegembiraan tuan rumah dalam melangsungkan sesuatu kenduri itu.

“Rewang iki gawe wong samo-samo raso susana gembira, kesel atau penat, sedih dan apo waey raso. Lungo rewang iki kaey pengalaman yang best, suko duka bersama jiko kabeh wong kumpul gawey kerjo sambil cerito”.

Kesimpulan

Walaupun terdapat perubahan yang dialami oleh masyarakat Jawa dari segi pembangunan dan kemodenan, warisan budaya rewang ini masih lagi diamalkan oleh penduduk kampung. Perubahan yang berlaku tidak begitu mengubah makna sebenar rewang itu dalam masyarakat Jawa hari ini. Walaupun berlaku sedikit sebanyak perubahan dari segi pelaksanaan dan wujudnya persepsi kurang enak didengar dalam masyarakat moden kini khususnya masyarakat Jawa itu sendiri. Selain itu, penglibatan rewang itu seolah-olah menjadi wajib dan setiap ahli masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan tradisi ini.

Amalan rewang dapat mewujudkan kesatuan dalam masyarakat Jawa itu melalui pembahagian tugas yang teratur dan cekap. Pembahagian tugas ini dapat memudahkan setiap anggota masyarakat serta melancarkan atur cara majlis perkahwinan mahupun kenduri. Selain itu, amalan rewang yang dipraktikkan oleh masyarakat Jawa di Kampung Lenga ini telah melahirkan nilai-nilai yang dapat dipegang oleh masyarakat Jawa seperti tidak mementingkan diri, saling hormat-menghormati dan berkongsi emosi bersama dalam kehidupan yang menjalinkan hubungan sesama manusia. Kepelbagaian nilai yang wujud kesan pembahagian tugas serta nilai kemasyarakatan yang terlahir dapat menjadikan warisan amalan rewang ini dapat diteruskan dan dipelihara oleh generasi akan datang.

Penghargaan

Penerbitan makalah ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Kod Projek: FRGS/1/2015/SS04/UKM/02/1), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan tajuk *“Redefining the well-being of the Orang Asli of Peninsular Malaysia and benchmarking against the Maoris of New Zealand”*.

Rujukan

- Chin CC, Hack K (2004) *Dialogues with Chin Peng: New light on the Malayan Communist Party*. NUS Press.
- Durkheim E (1984) *The division of labour in society*. Terj. WD Halls. French: Lewis Coser.
- Geertz C (1973) *The religion of Java*. Chicago: University of Chicago.
- Geertz C (1981) *The development of the Javanese economy*. University Microfilms International, London.
- Geertz H (1983) *The Java family*. Grafiti Pers, Jakarta
- Jay R R (1969) *Javanese villagers: Social relations in rural Modjokuto*. MIT Press, Cambridge.
- Khazin Mohd Tamrin (1977) Orang Jawa di Selangor kedatangan dan penempatan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 7, 68-97.
- Mulder NIELS (1984) *Individual and society in modern Thai literature*. Brummelhuis & Kemp.
- Nasrudin N (2009) *Keunikan amalan rewang di dalam masyarakat Jawa: Kajian kes di Tanjong Karang, Selangor Darul Ehsan* (PhD dissertation). Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed (2001) *Jawa di balik tabir*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sabri Said (2012) *Misteri Etnik Malaysia*. Art Printing Work Sdn. Bhd, Kuala Lumpur Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (2012) *Modul Hubungan Etnik*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Smith A (1937) *The wealth of nations*.
- Sri Puspa Dewi (2015). Tradisi rewang dalam adat perkawinan komunitas Jawa di Desa Petapahan Jaya: Kecamatan tapung Kabupaten Kampar. *Jurnal Online Mahasiswa Bidang Ilmu Sosial dan Ilmu Politik* 2, 1-14.

Syed Husin Ali (1979) *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*. Penerbitan Harakah.
Yassin SM (1999) Rewang: Perpaduan tulen jiran sekampung. *Dewan Budaya*, 28-29.
____ [Cited 16 June 2017]. Available from: <http://ptj.johor.gov.my>.